

80 TAN METRIK SEHARI

■ Purata berat sampah dikendalikan JPS Selangor di Sungai Klang

Shah Alam

Kira-kira 80 tan metrik sehari. Itu purata berat sampah dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor khususnya di Sungai Klang sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Antara sisa yang 'wajib' ditemui termasuklah bekas polisterin, botol plastik malah ada juga pihak tidak bertanggungjawab membuang set sofa, peti ais dan mesin basuh sehingga tersangkut di perangkap sampah JPS di 45 lokasi sepanjang sungai itu.

Pengarah JPS Selangor Hashim Osman berkata, pihaknya menerusi kerajaan negeri memperuntukkan RM300,000 setahun bagi kos operasi setiap perangkap sampah atau dikenali sebagai 'log boom'.

Menurutnya, ia tidak termasuk peruntukan tambahan jika jaring perangkap sampah berkenaan rosak disebabkan sisa yang tidak sepatutnya tersangkut di kawasan berkenaan.

"Sungai Klang di bawah pentadbiran JPS Selangor sepanjang 146 kilometer (km) dan perangkap sampah di Seksyen 24, Shah Alam mengutip sampah tertinggi iaitu

PEKERJA melakukan pembersihan bagi mengangkat sampah yang tersangkut di Sungai Klang.

1,000 tan sebulan diikuti di Jalan Harper, Klang iaitu 200 tan sebulan dan beberapa kawasan lain yang dipasang perangkap bagi kerja pengutipan sampah di dalam Sungai Klang," katanya.

Beliau berkata, antara sungai yang sudah tercemar termasuklah Sungai Klang (Kelas 3), Sungai Penchala (Kelas 3-4) dan Sungai Balakong (Kelas 3) semuanya

berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa perindustrian yang tidak terkawal, pembuangan sisa loji kumbahan serta kegiatan tidak membuang sampah secara terus ke dalam sungai," katanya.

Hashim berkata, Sungai Klang adalah sungai utama di negeri itu yang mana lebarnya meliputi puluhan anak sungai yang memasu-

kinya sebelum terus ke laut.

Beliau berkata, kini hampir 40 peratus sungai berkenaan diceroboh yang akhirnya menjadi tempat pembuangan sampah domestik, bahan binaan dan lain-lain kerana si kap mengambil mudah serta mahu menjimatkan kos pembuangan di tapak pelupusan yang disediakan.

"Walaupun sampah ini tidak pernah berkurangan, JPS

tidak pernah gagal mengutip sampah di dalam sungai dan log boom dan jika ia tidak dikutip, besar kemungkinan log boom akan putus.

"Timbunan sampah di perangkap sampah juga boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan oleh sebab itu JPS memastikan jadual pengutipan sampah di log boom sentiasa dipatuhi," katanya.

Mengulas lanjut, Hashim berkata, pihaknya tidak boleh mengeluarkan sebarang saman atau notis jika mengetahui ada pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah di sungai.

"Bagaimanapun, kita bo-

leh menyalurkan maklumat itu kepada pihak berkaitan termasuklah pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah serta Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, tinjauan di lokasi perangkap sampah di Sungai Way, Petaling Jaya iaitu anak sungai yang menjadi penghubung kepada Sungai Klang mendapati ia sentiasa penuh meskipun selepas beberapa jam diangkat pekerja komuniti kawasan berkenaan ke dalam tong disediakan sebelum dibawa ke tempat pembuangan sampah.



Timbunan sampah di perangkap sampah juga boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan oleh sebab itu JPS memastikan jadual pengutipan sampah di log boom sentiasa dipatuhi"

Hashim Osman

